

Headline	Bakal jemaah dinasihat ambil suntikan vaksin H1N1 elak jangkitan MERS-CoV		
MediaTitle	Kosmo		
Date	07 May 2014	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	218,251
Page No	18	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	139 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,782
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,346



## Bakal jemaah dinasihat ambil suntikan vaksin H1N1 elak jangkitan MERS-CoV

**KUALA LUMPUR** - Mulai Mei ini, bakal jemaah umrah dinasihatkan mengambil suntikan vaksin H1N1 sebagai langkah pencegahan awal mengelak jangkitan Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (MERS-CoV).

Pegawai Khidmat Pelanggan Tabung Haji Travel & Services Sdn. Bhd. (THTS), Norhayati Jaafar berkata, jemaah umrah terutama warga emas yang berisiko tinggi terkena jangkitan virus itu digalakkan untuk mendapatkan suntikan tambahan berkenaan selain suntikan vaksin *Meningococcal Meningitis* jenis A, C, Y, W135.

"Suntikan vaksin *meningococcal*

ini suatu perkara yang wajib untuk urusan kelulusan visa dan passport jemaah tetapi suntikan vaksin H1N1 ini, jemaah boleh ambil sendiri bagi mengelak diri daripada mudah terkena wabak MERS-CoV," katanya ketika dihubungi *Bernama* di sini semalam.

Norhayati berkata, jemaah umrah juga disaran memakai topeng muka sepanjang menunaikan ibadat umrah nanti.

Beliau memberitahu, lawatan ke ladang unta dihentikan seketika kerana faktor penyebaran wabak MERS-CoV disyaki berpunca daripada unta di Arab Saudi.

Pada perkembangan lain, Norhayati berkata, setakat ini pihak THTS akan melaksanakan pakej umrah seperti biasa memandangkan masih belum menerima sebarang keputusan rasmi daripada Arab Saudi mengenai cadangan menghentikan sementara pemberian visa

umrah berikutan penyebaran wabak tersebut.

Pada 16 April lalu, Kementerian Kesihatan mengesahkan kematian seorang lelaki yang baru pulang daripada mengerjakan umrah disebabkan jangkitan MERS-CoV.

Lelaki Melayu berusia 54 tahun berasal dari Batu Pahat,

Johor itu pulang dari Tanah Suci pada 29 Mac lalu.

Dia mengalami demam, batuk serta sukar bernafas kira-kira 10 hari kemudian.

Pada 10 April lalu, dia dimasukkan ke Hospital Sultanah Nora Ismail, namun meninggal dunia tiga hari selepas itu.



KERATAN *Kosmo!* 18 April 2014.